

Bersatu tangani isu perpecahan mazhab

Anwar gesa cendekiawan Islam, ulama ambil langkah tegas sokong Palestin, Syria

Daripada Mohd Iskandar Ibrahim

di Manama, Bahrain



Datuk Seri Anwar Ibrahim mengesakan semua ulama dan cendekiawan Islam bersatu dan menanganikan isu perpecahan mazhab dengan mengambil langkah tegas menyokong Palestin dan Syria.

Menjadi satu-satunya ketua negara berucap di pentas perhimpunan ulama dunia, Perdana Menteri menegaskan eksploitasi perbezaan dan perpecahan mazhab hanya melemahkan perpaduan politik serta menghalang kerjasama yang diperlukan dalam kalangan negara Islam.

“Sektarianisme (perpecahan mazhab) digunakan sebagai senjata untuk membakar ketegangan, memecahbelahkan masyarakat dan melemahkan perpaduan politik serta menghalang kerjasama antara negara yang secara logik sepatutnya bersatu sebagai sekutu.

“Masih ada juga yang melihat perbezaan bukan sebagai sumber kekayaan, tetapi sebagai garis pemisah yang dimanipulasi demi kepentingan sendiri,” katanya ketika berucap di hadapan kira-kira 400 ulama dan cendekiawan Islam pada Persidangan Dialog Intra-Islam

(IIDC) di sini, semalam.

IIDC yang berlangsung semalam dan hari ini dinaungi Raja Bahrain, Sheikh Hamad Isa Al Khalifa.

Persidangan itu dihadiri Sheikh Al-Azhar Al-Sharif, Profesor Dr Ahmad Muhammad Ahmad At-Tayyeb yang juga Pengerusi Muslim Council of Elders serta tokoh agamawan dari pelbagai negara.

Terdahulu, Ahmad Muhammad Ahmad dalam ucapannya menyeru usaha penyatuan umat Islam harus bermula dalam kalangan ulama, cendekiawan serta golongan elit Islam dengan bertindak sebagai satu ummah.

Beri pelbagai sokongan

Menyokong seruan itu, Anwar berkata, isu perjuangan rakyat Palestin menjadi contoh jelas kesan perpecahan umat Islam dan beliau mengesakan supaya sokongan dari semua negara Islam diberikan dalam pelbagai bentuk.

“Lihat sahaja kepada Palestin, selama berdekad rakyat Palestin berdepan dengan penjajahan, pengusiran dan ketidakadilan yang sistematik.

“Perjuangan mereka adalah peringatan jelas mengenai perpecahan umat kita, jadi dunia Islam harus menunjukkan solidariti kepada rakyat Palestin, bukan sekadar omongan kosong, sebaliknya melalui tindakan bersama, diplomatik serta sokongan ekonomi,” katanya.

Beliau menegaskan, kebergantungan ekonomi, perpecahan politik dan kegagalan membentuk satu barisan yang kukuh menyebabkan rakyat Palestin terus terdedah kepada keganasan berterusan.

“Pembunuhan beramai-ramai di Gaza, peluasan penempatan haram dan pengusiran keluarga ber-

terusan menuntut lebih daripada sekadar kata-kata kecaman.

“Kita mesti komited menyalurkan sumber yang nyata bagi menyokong pendidikan, penjagaan kesihatan dan infrastruktur rakyat Palestin. Kita mesti tanpa jemu memperjuangkan isu Palestin di setiap forum antarabangsa,” katanya.

Begitu juga Syria, Perdana Menteri mengesakan dunia Islam bersatu secara kolektif dalam menyokong masa depan negara berkenaan yang lebih baik.

“Tanda awal perdamaian dan usaha membina semula negara bukan sahaja memberi harapan kepada rakyat Syria, malah membuka peluang bagi seluruh umat Islam kerana Syria berpotensi menjadi model perdamaian yang mengatasi perpecahan politik dan mazhab,” katanya.

IIDC adalah antara program dihadiri Perdana Menteri sempena lawatan rasminya ke Bahrain di atas jemputan Putera Mahkota, Sheikh Salman Hamad al-Khalifa yang juga Perdana Menteri Bahrain.

Terdahulu, ketibaan Anwar yang diiringi Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Dr Zulkifli Hasan serta pegawai kanan kerajaan disambut Menteri Luar Bahrain, Dr Abdullatif Rashid Al Zayani; Timbalan Gabenor Muharraq, Brigedier Jeneral Jassim Mohammed Al Ghattam; Duta Bahrain ke Malaysia, Dr Waleed Khalifa Al Manea serta Duta Besar Malaysia ke Bahrain, Shazryll Zahiran.

Perdana Menteri turut disambut dengan kawalan kehormatan di lapangan terbang berkenaan.

Ketibaan Anwar turut dimeiahkan dengan kibaran Jalur Gemilang di sepanjang laluan dari lapangan terbang ke penginapannya.